



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

FORMAT PENTAKSIRAN

MULAI TAHUN 2021

**PENDIDIKAN ISLAM
(1223)**

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH (KSSM)



KATA PENGANTAR


Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menggubal dasar-dasar pentaksiran, peperiksaan dan pengujian Pendidikan berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan matlamat kurikulum. Sehubungan dengan itu, perekaan bentuk format pentaksiran baharu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dilaksanakan oleh LP sebaik sahaja Kementerian Pendidikan Malaysia meluluskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan Empat dan Lima mulai 2020. Perekaan bentuk tersebut dilaksanakan dalam lima fasa utama iaitu pengkonsepsian, penentuan instrumen, pembinaan instrumen, kajian kesesuaian instrumen dan pemurniaan serta penyediaan dokumen pentaksiran. Hal yang demikian bertujuan untuk memastikan agar kualiti pentaksiran dan peperiksaan kebangsaan mempunyai suatu standard atau piawai. Perekaan bentuk ini melibatkan semua mata pelajaran, termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam yang merupakan mata pelajaran teras pada peringkat SPM.

Dalam perekaan bentuk format pentaksiran, aspek penjajaran dengan kurikulum sangat diberikan keutamaan. Oleh sebab itu, format pentaksiran direka bentuk berdasarkan matlamat, objektif dan kandungan kurikulum standard seperti terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP). Prinsip-prinsip asas pentaksiran terutama aspek kesahan, kebolehpercayaan, kebolehlaksanaan dan penjaminan kualiti juga amat dititikberatkan. Pentaksiran turut memberikan fokus khusus kepada pencapaian objektif mata pelajaran dan aspek-aspek yang ditaksir, iaitu bidang pengetahuan, kemahiran dan nilai disamping memastikan keseluruhan pentaksiran mempunyai kerelevanan dan kecukupcapan dari aspek standard kandungan dan standard pembelajaran. Melalui perekaan bentuk, LP berjaya menghasilkan format pentaksiran bagi mata pelajaran tersebut. Format pentaksiran ini telah diluluskan pada 21 Februari 2020 oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan (MJKK) dan digunakan sepenuhnya dalam SPM mulai tahun 2021.

Buku format pentaksiran ini diterbitkan dengan hasrat untuk mendekatkan pentaksiran dengan masyarakat, terutama semua guru, ibubapa, murid dan calon peperiksaan. Harapan LP agar semua maklumat yang terkandung dalam buku ini dapat memberikan huraian yang jelas tentang perkara, cara dan bentuk pentaksiran dapat dilaksanakan. Usaha murni ini sangat penting untuk memberikan keadilan kepada semua calon yang menduduki peperiksaan dan menjaga kewibaaan institusi LP. LP merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam perekaan bentuk dan penghasilan format pentaksiran ini. Semoga pelaksanaan format pentaksiran ini akan dapat mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan serta mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

DATO' HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI


Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
Kementerian Pendidikan Malaysia



TERHAD

ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan	4
2.0	Asas Pertimbangan	4
3.0	Kelulusan	6
4.0	Matlamat Mata Pelajaran	6
5.0	Objektif Mata Pelajaran (OM)	6-7
6.0	Objektif Pentaksiran (OP)	7
7.0	Konstruk dan Aspek Yang Ditaksir	8
8.0	Aras Kesukaran Item	8
9.0	Format Pentaksiran	8
10.0	Contoh Instrumen	9
11.0	Lampiran 1	11
12.0	Lampiran 2	12-17
13.0	Lampiran 3	18-21
14.0	Panduan Pentaksiran UTQH	25-35



**FORMAT PENTAKSIRAN
MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
MULAI 2021**

1.0 PENGENALAN

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2017 menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1989 bagi memenuhi hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Selaras dengan perubahan itu, Lembaga Peperiksaan telah mengadakan perekaan bentuk format pentaksiran berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Seterusnya, perekaan bentuk format pentaksiran menjadi asas kepada pembinaan instrumen pentaksiran.

2.0 ASAS PERTIMBANGAN


Beberapa prinsip yang menjadi asas pertimbangan dalam proses perekaan bentuk format pentaksiran Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah:

2.1 KESAHAN

Kesahan merujuk kepada ciri skor ujian dan melibatkan dua perkara iaitu kerelevanan dan kecukupcukupan. Perekaan bentuk instrumen pentaksiran ini telah memastikan semua konstruk (perkara yang ditaksir) dijelmakan berdasarkan objektif mata pelajaran. Item-item yang dikemukakan adalah akur dengan kurikulum standard dan spesifikasi ujian serta mempunyai kesesuaian dari segi kumpulan sasaran, aras kesukaran, konteks dan situasi. Kandungan instrumen pentaksiran mencakupi semua aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperoleh dalam pendidikan mata pelajaran berkenaan, seperti yang dihasratkan oleh kurikulum standard.

2.2 KEBOLEHPERCAYAAN

Kebolehpercayaan merujuk kepada ciri skor ujian dan melibatkan dua perkara iaitu ketekalan dan ketepatan. Di peringkat pembinaan, satu spesifikasi ujian direka bentuk bagi setiap instrumen pentaksiran untuk dijadikan piawaian. Ini adalah untuk memastikan ketepatan, kesetaraan dan ketekalan instrumen pentaksiran yang dihasilkan setiap tahun. Analisis data peperiksaan juga dapat menunjukkan tahap kebolehpercayaan sesuatu instrumen pengukuran.



2.3 KEOBJEKTIFAN

Keobjektifan merujuk kepada kejelasan fungsi setiap instrumen yang dibina. Setiap instrumen pentaksiran dibina dengan tujuan khusus mengikut spesifikasi ujian tertentu. Jadual Spesifikasi Ujian berfungsi mengawal kefungsiian instrumen yang dibina. Setiap pembina harus jelas dengan kehendak setiap instrumen pentaksiran yang dibina. Antaranya konstruk yang ditaksir dan inferens yang boleh dibuat daripada skor yang akan diperoleh.

Dalam item berbentuk subjektif, keobjektifan juga merujuk kepada ketepatan seseorang pemeriksa memeriksa skrip jawapan atau ketepatan seseorang pentaksir memberikan skor calon. Dalam konteks ini, ciri keobjektifan pemberian markah atau skor boleh dipertingkatkan dengan menyediakan skema penskoran yang objektif serta markah atau skor yang diselaraskan melalui mesyuarat penyelarasan. Hal ini dapat mengurangkan perselisihan dalam pemberian markah atau skor dalam kalangan pemeriksa atau pentaksir bagi menjamin kebolehpercayaan skor.

2.4 KEBOLEHTADBIRAN

Kebolehtadbiran merujuk kepada kebolehlaksanaan sesuatu program pentaksiran dari segi kos, masa dan personel sama ada program berpusat dan pentaksiran berasaskan sekolah.

2.5 KEMUDAHTAFSIRAN

Kemudahtafsiran merujuk kepada keupayaan skor daripada proses pentaksiran dalam memberikan maklumat tentang seseorang murid dalam perkara yang ditaksir. Skor yang baik berupaya mendiskriminasikan murid yang mempunyai kepelbagaian keupayaan. Disamping itu, kemudahtafsiran dapat memberi sebab serta tujuan sesuatu ujian dan pentaksiran itu diadakan.

2.6 KEKOMPREHENSIFAN

Kekomprensifan sesuatu ujian atau pentaksiran merujuk kepada sejauh mana sesuatu ujian itu mengandungi item yang mewakili semua objektif yang penting dalam kurikulum. Jelasnya prinsip-prinsip pentaksiran yang dinyatakan itu, merupakan landasan penting dalam menjalankan pentaksiran. Justeru, mereka yang terlibat dengan proses pentaksiran dalam pendidikan, sewajarnya akur akan prinsip-prinsip pentaksiran yang telah ditetapkan itu agar matlamat dan objektif pentaksiran dapat dicapai dengan jayanya.

3.0 KELULUSAN

Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan format pentaksiran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam mulai tahun 2021. Format tersebut telah dibentangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 1/2020 pada 21 Februari 2020.

Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Kebangsaan Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 1/2020 pada 21 Februari 2020 telah memersetujui Format Instrumen Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (UPBA) mulai Tahun 2021 bagi Mata Pelajaran Akademik Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

4.0 MATLAMAT MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Matlamat KSSM Pendidikan Islam adalah untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.

5.0 OBJEKTIF MATA PELAJARAN (OM) PENDIDIKAN ISLAM

OM 1 : Membaca ayat pilihan daripada al-Quran dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih.

OM 2 : Melazimi bacaan al-Quran dalam kehidupan.

OM 3 : Menghafaz ayat pilihan daripada al-Quran dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih.

OM 4 : Mengamalkan bacaan ayat hafazan pilihan dalam solat dan amalan kehidupan.

OM 5 : Merumus kefahaman ayat al-Quran pilihan dan mengamalkannya.

OM 6 : Membaca hadis pilihan dengan betul.

OM 7 : Merumus kefahaman hadis pilihan dan mengamalkannya.

OM 8 : Merumus kefahaman akidah Islamiah dan meyakini sebagai pegangan dan tunjang dalam kehidupan.



OM 9 : Merumus kefahaman ilmu fiqah dan mengamalkannya serta menghayatinya dalam kehidupan.

OM 10 :Merumus kefahaman sirah Nabi Muhammad SAW, sejarah tokoh-tokoh dan tamadun Islam serta mengambil iktibar daripadanya.

OM 11: Merumus kefahaman akhlak Islamiah dan mengamalkan serta menghayatinya dalam kehidupan.

6.0 OBJEKTIF PENTAKSIRAN (OP) MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

OP1 Kemahiran membaca

Keupayaan membaca al-Quran dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih dan membaca hadis dengan betul.

OP2 Kemahiran menghafaz

Keupayaan menghafaz ayat-ayat al-Quran pilihan dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih.

OP3 Mengingat dan memahami

Keupayaan memahami ayat al-Quran pilihan, hadis pilihan, akidah Islamiah, ilmu fiqah, sirah Nabi Muhammad SAW ,sejarah tokoh-tokoh dan tamadun Islam, dan akhlak Islamiah.

OP4 Kemahiran mengaplikasikan


Keupayaan menggunakan kefahaman ayat al-Quran pilihan, hadis pilihan, akidah Islamiah, ilmu fiqah, sirah Nabi Muhammad SAW, sejarah tokoh-tokoh dan tamadunIslam, dan akhlak Islamiah.

OP5 Kemahiran menganalisis

Keupayaan menganalisis kefahaman ayat al-Quran pilihan, hadis pilihan, akidah Islamiah, ilmu fiqah, sirah Nabi Muhammad SAW, sejarah tokoh-tokoh dan tamadun Islam, dan akhlak Islamiah.

OP6 Kemahiran menilai

Keupayaan menilai kefahaman ayat al-Quran pilihan, hadis pilihan, akidah Islamiah, ilmu fiqah, sirah Nabi Muhammad SAW , sejarah tokoh-tokoh dan tamadun Islam, dan akhlak Islamiah.



7.0 KONSTRUK DAN ASPEK YANG DITAKSIR

7.1 Konstruk untuk kertas 1 (1223/1):

- Mengingat dan Memahami
- Mengaplikasi
- Menganalisis
- Menilai

7.2 Konstruk untuk kertas 2 (1223/2)

- Kemahiran Tilawah al-Quran
- Kemahiran Menghafaz al-Quran
- Kemahiran Membaca Hadis

8.0 ARAS KESUKARAN ITEM

Item-item yang dikemukakan mempunyai tiga aras iaitu:

8.1 Aras R

Item yang mempunyai aras kesukaran rendah

8.2 Aras S

Item yang mempunyai aras kesukaran sederhana

8.3 Aras T

Item yang mempunyai aras kesukaran tinggi

9.0 FORMAT PENTAKSIRAN

9.1 Pentaksiran mata pelajaran Pendidikan Islam menggunakan dua instrument:

9.1.1 Kertas 1 (1223/1)

Kertas ini berbentuk ujian bertulis

9.1.2 Kertas 2 (1223/2)

Kertas ini berbentuk Ujian Tilawah dan Hafazan al-Quran, Bacaan Hadis (Pentaksiran Pusat)


9.1.3 Perincian format

Perincian format adalah seperti dalam **Lampiran 1**.

10.0 CONTOH INSTRUMEN

Kertas soalan contoh bagi 1223/1 dan 1223/2 disertakan.


- 10.1 Contoh yang dibekalkan bertujuan memberi idea kepada pengguna tentang kepelbagaian konstruk, konteks dan aras yang ditaburkan pada keseluruhan kertas soalan berdasarkan piawaian spesifikasi ujian.
- 10.2 Pembinaan instrumen setiap tahun adalah mengikut dokumen spesifikasi piawaian. Wajaran konstruk dan aras kesukaran adalah mengikut spesifikasi ujian tersebut tetapi boleh diukur pada konteks yang berbeza.
- 10.3 Kertas soalan contoh bagi 1223/1 dan 1223/2 seperti di **Lampiran 2** dan **Lampiran 3**



LAMPIRAN 1

**FORMAT
INSTRUMEN PENTAKSIRAN MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN ISLAM 1223**

**SPM KSSM
MULAI 2021**




FORMAT PENTAKSIRAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM MULAI 2021

BIL	PERKARA	KERTAS 1 (1223/1)	KERTAS 2 (1223/2)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Tilawah dan Hafazan al-Quran, Bacaan Hadis (Pentaksiran Pusat)
2	Jenis Item	<ul style="list-style-type: none"> • Subjektif Respons Terhadap • Subjektif Respons Terbuka • Subjektif Berstruktur 	<ul style="list-style-type: none"> • Subjektif Respons Terhadap
3	Bilangan Soalan	5 soalan (100 markah) (Jawab semua soalan)	Bahagian A Tilawah (50 markah) Bahagian B Hafazan (30 markah) Bahagian C Membaca Hadis (20 markah)
4	Jumlah Markah	100 markah	100 markah
5	Wajaran	80	20
6	Konstruk	<ul style="list-style-type: none"> • Mengingat dan Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai 	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran Tilawah al-Quran • Kemahiran Menghafaz al-Quran • Kemahiran Membaca Hadis
7	Tempoh Ujian	2 jam 30 minit	April hingga Jun (Tingkatan 5)
8	Cakupan Konteks	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)	Ayat bacaan, hafazan dan hadis Tingkatan 4 dan Tingkatan 5
9	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
10	Kaedah Penskoran	<ul style="list-style-type: none"> • Analitik • Holistik 	<ul style="list-style-type: none"> • Holistik

LAMPIRAN 2

**CONTOH KERTAS 1223/1
INSTRUMEN PENTAKSIRAN MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN ISLAM 1223**

**SPM KSSM
MULAI 2021**





LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 20XX
PENDIDIKAN ISLAM

1223/1

Kertas 1

Okt./Nov.

2 1/2jam

Dua jam tiga puluh minit


JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi XX halaman bercetak dan X halaman tidak bercetak.

1223/2 © 20XX Hak Cipta Kerajaan Malaysia

[lihat sebelah
SULIT



Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ
 أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ (Surah al-Baqarah: 188)

Ayat di atas menjelaskan larangan perbuatan rasuah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan maksud rasuah. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** bentuk kesalahan rasuah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** keburukan rasuah kepada negara. [4 markah]


(b) Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ
 اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ
 حَافِظُونَ ﴿٥﴾ (Surah al-Mukminun: 1-5)

Ayat di atas menjelaskan tentang perintah Allah memelihara kehormatan diri.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** contoh kesalahan seksual. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]



(c) Sabda Rasulullah SAW:


عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: لَأَنْ يَحْتَضِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيَهُ أَوْ يَمْنَعَهُ
(رواه البخاري)

Hadis di atas menjelaskan bahawa berusaha sendiri lebih baik daripada memintaminta.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i) Jelaskan kelebihan berdikari dalam kehidupan. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [4 markah]
- 2 (a) Iman boleh terbatal dengan sebab tidak percaya atau ragu-ragu dengan perkara yang berkaitan dengan uluhiyyah.
- (i) Apakah maksud uluhiyyah? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kesan melakukan perkara tersebut. [4 markah]
 - (iii) Terangkan tindakan anda untuk menjauhi perbuatan tersebut. [2 markah]
- (b)
- (i) Nyatakan **dua** ciri ajaran sesat. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan kesan melakukan ajaran sesat dari aspek agama. [2 markah]
- (c) Mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah adalah jalan yang mengikut jejak langkah Rasulullah SAW.
- (i) Jelaskan **dua** prinsip Ahli Sunnah wal Jamaah. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan pandangan Ahli Sunnah wal Jamaah terhadap perkara berikut:
 - (a) Melihat Allah SWT.
 - (b) Pelaku dosa besar. [4 markah]

- 3 (a) (i) Nyatakan maksud Solat Dhuha. [2 markah]
- (ii) Bilakah waktu bermula dan berakhir Solat Dhuha. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** hikmah menunaikan Solat Dhuha. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** jenis akad dalam muamalat Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** matlamat disyariatkan muamalat dalam Islam. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan maksud wasiat. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmat disyariatkan wasiat. [4 markah]
- 4 (a) (i) Jelaskan **dua** sumbangan yang diberi oleh khalifah sama ada (a) atau (b). [4 markah]
- (a) Muawiyah bin Abi Sufian
(b) Abu Abas Abdullah bin Muhammad
- (ii) Huraikan iktibar daripada sejarah kemerosotan kerajaan bani Umayyah. [4 markah]
- (b) Kerajaan Othmaniah adalah kesinambungan kerajaan Abbasiyah.
- (i) Senaraikan **dua** khalifah terkenal dalam pemerintahan kerajaan Othmaniah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Othmaniah. [4 markah]
- (c) (i) Nyatakan **dua** riwayat hidup Imam Syafie. [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah anda mencontohi keperibadian Imam Syafie untuk menjadi pelajar yang berjaya? [4 markah]



5 (a) Wasatiah menjamin kecemerlangan umat.

(i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]

(ii) Nyatakan **dua** prinsip wasatiah. [2 markah]

(iii) Jelaskan **dua** ciri umat cemerlang. [4 markah]


(b) Sebagai hamba Allah SWT yang beriman dan bertaqwa, kita dikehendaki sentiasa bersikap benar.

(i) Nyatakan maksud bersikap benar. [2 markah]

(ii) Terangkan **dua** kepentingan bersikap benar. [4 markah]

(c)

إِنَّمَا ذَلِكُمُ الشَّيْطَانُ يُخَوِّفُ أَوْلِيَاءَهُ فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونِ إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ

(Surah ali-Imran: 175) 


Maksud:

Sesungguhnya (pembawa berita) yang demikian itu ialah syaitan yang bertujuan menakut-nakutkan kamuterhadap kaum kafir musyrik.

Maka janganlah kamu takut kepada mereka, tetapi takutlah kepada-Ku, jika kamu memang orang yang beriman.

(i) Jelaskan cara mendapatkan sifat khauf. [2 markah]


(ii) Jelaskan **dua** kepentingan sifat khauf dalam kehidupan. [4 markah]



LAMPIRAN 3

**CONTOH KERTAS 1223/2
INSTRUMEN PENTAKSIRAN MATA PELAJARAN
PENDIDIKAN ISLAM 1223**

**SPM KSSM
MULAI 2021**





LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 20xx

1223/2(P)

PENDIDIKAN ISLAM
Bacaan dan Hafazan

April – Jun

PENTAKSIRAN LISAN BERASASKAN SEKOLAH
BACAAN DAN HAFAZAN

(Petikan Ayat Tilawah, Hafazan dan Hadis)

UNTUK KEGUNAAN PENTAKSIR SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Kerajaan Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pentaksir yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Kertas Peperiksaan ini mengandungi XX halaman bercetak dan X halaman tidak bercetak.

1223/2 (P) (c) 20xx Hak Cipta Kerajaan Malaysia

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SOALAN KERTAS CONTOH

آيات تلاوة

توکسن 1

اندا دکهندقي مباح آيات القرآن برايکوت:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ


بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾

الَّذِينَ كَانَتْ أَعْيُنُهُمْ فِي غِطَاءٍ عَن ذِكْرِي وَكَانُوا لَا يَسْتَطِيعُونَ سَمْعًا ﴿١١﴾ أَفَحَسِبَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَن يَتَّخِذُوا عِبَادِي مِن دُونِي أَوْلِيَاءَ إِنَّا أَعْتَدْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَافِرِينَ نُزُلًا ﴿١٢﴾ قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا ﴿١٣﴾ الَّذِينَ ضَلَّ سَعِيَّهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ مُحْسِنُونَ صُنْعًا ﴿١٤﴾ أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِمْ فَحَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزَنًا ﴿١٥﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

(سورة الكهف: 105-101)

[50 markah]



آيات حفظن

توکسن 2

سوءالن 1:

سيلا اولغ دان سامبوغ باچاءن ساي.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي ...


جوافن:

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ ^ع

وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

(سورة الانعام: 163 - 162)





سوءالن 2:

سيلا اولغ دان سامبوغ باچاءن ساي.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ...




جوافن:

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَادِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ
مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا
عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾

(سورة المؤمنون: 1-6)

[30 markah]



باچاءن حديث


توکسن 3

اندا دکهندي مباح حديث برايکوت:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اجْتَنِبُوا
السَّبْعَ الْمُؤَبَّاتِ قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسَّحْرُ،
وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ
الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ

(متفق عليه)

[20 markah]



PANDUAN PELAKSANAAN DAN PENSKORAN

UJIAN TILAWAH DAN HAFAZAN


AL-QURAN, BACAAN HADIS (UTQH)

PENDIDIKAN ISLAM 1223/2

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA.

SPM KSSM

MULAI 2021



**PANDUAN PELAKSANAAN UJIAN TILAWAH DAN HAFAZAN
AL-QURAN, BACAAN HADIS (UTQH)
PENDIDIKAN ISLAM 1223/2 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA.**

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Islam KSSM Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menekankan aspek ilmu, nilai, amalan, penghayatan dan pembudayaan. Pelajar-pelajar didedahkan dengan pelbagai ilmu, nilai, adab dan akhlak Islamiah dengan mendalam serta mencakupi pelbagai aspek serta cara hidup umat Islam seharian. Bersesuaian dengan matlamat Pendidikan Islam KSSM untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Pelajar didedahkan dengan bidang asuhan tilawah al-Quran, membaca hadis dan menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan betul dan lancar serta mengamalkan dengan beradab dan istiqamah.


Sehubungan dengan itu, pentaksiran perlu dilaksanakan untuk melahirkan pelajar yang boleh membaca dan menghafaz al-Quran serta membaca hadis dengan betul dan lancar.

Pelaksanaan UTQH dapat menjamin kesahan dan kebolehpercayaan pentaksiran yang tinggi serta meningkatkan nilai dan kualiti bacaan dan hafazan pelajar selaras dengan objektif dan falsafah pendidikan Islam.

2.0 OBJEKTIF

Berdasarkan objektif mata pelajaran Pendidikan Islam yang terkandung dalam Dokumen Standard Prestasi dan Kurikulum KSSM, objektif pentaksiran instrument 1223/2 adalah untuk mentaksir kebolehan pelajar dalam mempamerkan aspek berikut:

- 2.1 Kemahiran membaca ayat pilihan daripada al-Quran dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih.
- 2.2 Kemahiran menghafaz ayat hafazan pilihan daripada al-Quran dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih.
- 2.3 Kemahiran membaca hadis pilihan dengan betul.




3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 UTQH 1223/2 adalah **wajib** bagi semua calon yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- 3.2 UTQH dijalankan kepada calon Tingkatan 5.
- 3.3 Markah penuh ujian ini ialah 100 markah.
- 3.4 Pihak sekolah hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pentaksiran UTQH yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.
- 3.5 Jawatankuasa Pentaksir hendaklah merancang dan melaksanakan pentaksiran UTQH ini bagi semua calon.
- 3.6 Pelaksanaan UTQH hendaklah dijalankan oleh guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam tingkatan 4 dan 5.
- 3.7 Elemen, aspek dan kriteria dalam Panduan Pentaksiran UTQH ini hendaklah dimaklumkan kepada calon.
- 3.8 Aktiviti penyetaraan akan dilaksanakan oleh pegawai penyetara yang dilantik oleh Lembaga Peperiksaan.
- 3.9 Ujian ini dilaksanakan mulai bulan **APRIL** hingga **JUN** tahun semasa.
- 3.10 Tarikh akhir guru pentaksir menghantar Borang Markah Keseluruhan UTQH ialah pada **31 JULAI** tahun semasa.

4.0 ARAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH

- 4.1 Mematuhi arahan Lembaga Peperiksaan berkaitan Ujian Tilawah, Hafazan dan Bacaan Hadis (UTQH) bagi calon yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam SPM.
- 4.2 Memastikan pentaksir memahami dan menjalankan pentaksiran UTQH mengikut panduan pentaksiran yang disediakan.
- 4.3 Memberi taklimat dan penerangan berkaitan ujian ini kepada calon.
- 4.4 Menyediakan segala kemudahan untuk melaksanakan UTQH termasuklah peralatan dan bahan lain yang diperlukan.




5.0 ARAHAN KEPADA GURU

- 5.1 Guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan 4 dan 5 adalah guru pentaksir bagi calon.
- 5.2 Memahami calon berkaitan UTQH dari aspek elemen, kriteria dan prosedur pentaksiran.
- 5.3 Memastikan calon sebenar yang mengambil UTQH.
- 5.4 Memberikan skor pentaksiran secara adil.
- 5.5 Mengambil tindakan segera terhadap sebarang komen atau nasihat daripada pegawai penyetera yang dilantik oleh LP, pegawai JPN dan pihak sekolah.
- 5.6 Merekod skor yang diperolehi dalam Borang Markah Keseluruhan yang disediakan.
- 5.7 Pindaan penskoran dibenarkan berlaku selepas verifikasi daripada pegawai pemantauan yang dilantik oleh LP.

6.0 BORANG PENTAKSIRAN

- 6.1 Pentaksir dikehendaki mengisi Borang Pentaksiran Individu UTQH (Rujuk Lampiran A).
- 6.2 Pentaksir dikehendaki melengkapkan Borang Markah Keseluruhan UTQH (Rujuk Lampiran B).
- 6.3 Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah difailkan dan disimpan di tempat yang selamat.
- 6.4 Borang Markah Keseluruhan UTQH mestilah dihantar ke LP sebelum atau pada **31 JULAI** tahun semasa.



7.0 TUGASAN


- 7.1 Pentaksir menggunakan set tugas yang mengandungi ayat tilawah, hafazan dan hadis yang disediakan.
- 7.2 Pentaksir memilih satu set secara rawak semasa sesi pentaksiran.

8.0 ELEMEN DAN ASPEK YANG DITAKSIR

- 8.1 Tilawah al-Quran - Kemahiran Membaca al-Quran
- 8.2 Hafazan - Kemahiran Menghafaz al-Quran
- 8.3 Hadis - Kemahiran Membaca Hadis

9.0 PANDUAN PENSKORAN

- 9.1 Ujian Tilawah dan Hafazan al-Quran, Bacaan Hadis (UTQH) adalah **wajib** diduduki oleh setiap calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam.
- 9.2 Ujian ini dijalankan kepada calon Tingkatan 5 sahaja.
- 9.3 Setiap calon perlu menjawab **satu** soalan ujian yang terdiri daripada:
 - 9.3.1 Satu soalan tilawah
 - 9.3.2 Dua soalan hafazan
 - 9.3.3 Satu soalan bacaan hadis
- 9.4 Calon **tidak dibenarkan** melihat apa-apa catatan semasa ujian dijalankan.
- 9.5 Masa yang diperuntukkan bagi tiap-tiap calon ialah 10 minit.
- 9.6 Markah penuh bagi ujian ini ialah **100** markah:
 - (a) Tilawah = 50 markah
 - (b) Hafazan = 30 markah
 - (c) Makna Ayat = 20 markah



9.7 Wajaran markah bagi kertas ini **20** peratus.

9.8 Pengiraan Markah Hafazan

$$\frac{\text{Markah Soalan 1} + \text{Soalan 2}}{\text{Markah Penuh}} \times 30 = \text{Skor Sebenar}$$

Contoh:
$$\frac{22 + 12}{60} \times 30$$

Skor Sebenar =
$$\boxed{\begin{array}{|c|} \hline 17 \\ \hline \diagup \\ \hline 30 \\ \hline \end{array}}$$


10.0 ARAHAN KEPADA PENTAKSIR

Pentaksir dikehendaki menjalankan ujian ini mengikut langkah-langkah berikut:

- 10.1 Terdapat **dua** pentaksir yang akan menguji setiap calon. Pentaksir akan bergilir-gilir mengemukakan soalan kepada calon. Pentaksir memulakan sesi dengan memilih soalan yang akan dijawab oleh calon.
- 10.2 Pentaksir pertama mengemukakan soalan daripada set yang dipilih satu persatu:
 - 10.2.1 Pentaksir hanya menyampaikan soalan secara lisan.
 - 10.2.2 Soalan hendaklah disampaikan secara membaca petikan yang dibekalkan.
 - 10.2.3 Pentaksir **tidak** dibenarkan mengubah soalan-soalan yang ditetapkan.
 - 10.2.4 Pentaksir boleh mengulang pembacaan soalan **sekali** sahaja jika diminta oleh calon.
- 10.3 Menyediakan ruang masa untuk calon memberikan jawapan.
- 10.4 Semasa calon memberikan jawapan:
 - 10.4.1 Pentaksir hendaklah sentiasa menunjukkan sikap yang positif.
 - 10.4.2 Pentaksir hendaklah **tidak** memberi komen atau kritikan terhadap kemampuan calon semasa ujian dijalankan.



- 10.5 Kedua-dua pentaksir hendaklah berbincang dan memberikan markah sebaik sahaja calon selesai menjawab setiap soalan dalam setiap elemen berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- 10.6 Menjumlahkan markah bagi semua markah tilawah, hafazan, dan bacaan hadis.
- 10.7 Merekodkan markah muktamad bagi calon itu dalam Borang Markah Individu yang disediakan (Rujuk **LAMPIRAN A**).
- 10.8 Memuktamadkan markah dalam Borang Markah Keseluruhan yang disediakan (Rujuk **LAMPIRAN B**).



ELEMEN PEMARKAHAN (TILAWAH AL-QURAN)

a) Markah penuh : 50 markah

b) Pembahagian markah yang dinilai :

1.	Bacaan betul	:	20 markah
2.	Tajwid	:	20 markah
3.	Kefasihan	:	10 markah

c) Markah hendaklah diberi mengikut panduan di bawah;

Bil	Aspek	Gred	Kriteria
1.	Membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul <ul style="list-style-type: none"> • Sebutan asas makhraj huruf hijaiyah • Baris fathah • Dhommah • Kasrah • Sukun • Syaddah 	Cemerlang (14 – 20)	Membaca ayat al-Quran dengan betul, tepat dan sempurna.
		Baik (7 – 13)	Membaca ayat al-Quran dengan betul dan tepat pada sebahagian aspek.
		Memuaskan (1 – 6)	Membaca ayat al-Quran dengan tidak tepat pada sebahagian aspek.
2.	Membaca ayat-ayat al-Quran dengan bertajwid <ul style="list-style-type: none"> • Hukum istia'zah dan basmalah • Alif lam syamsiah dan alif lam qamariah • Wajibulghunnah 	Cemerlang (14 – 20)	Membaca ayat al-Quran dengan keseluruhan hukum tajwid betul, tepat dan sempurna.

	<ul style="list-style-type: none"> • Fawatihul suwwar • Nun Sakinah dan tanwin • Mim sakinah • Mad silah • Mad lazim • Qalqalah • Hukum bacaan Ra' • Tanda wakaf • Ibtida' 	<p>Baik (7 – 13)</p>	<p>Membaca ayat al-Quran dengan sebahagian besar hukum tajwid betul dan tepat.</p>
		<p>Memuaskan (1 – 6)</p>	<p>Membaca ayat al-Quran dengan sebahagian kecil hukum tajwid yang betul.</p>
3.	<p>Membaca ayat-ayat al-Quran dengan fasih</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bacaan lancar 2. Sebutan jelas 3. Intonasi baik 4. Menepati lajjah Arab 5. Menepati makhraj huruf 	<p>Cemerlang (7 – 10)</p>	<p>Membaca ayat al-Quran dengan betul, tepat dan sempurna.</p>
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bacaan lancar 2. Sebutan jelas 3. Intonasi memuaskan 4. Kurang menepati lajjah Arab 5. Kurang menepati makhraj huruf 	<p>Baik (4– 6)</p>	<p>Membaca ayat al-Quran dengan betul dan tepat pada sebahagian aspek.</p>
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bacaan kurang lancar 2. Sebutan jelas 3. Intonasi kurang memuaskan 4. Tidak menepati lajjah Arab 5. Tidak menepati makhraj huruf 	<p>Memuaskan (1 – 3)</p>	<p>Membaca ayat al-Quran dengan tidak tepat pada sebahagian aspek.</p>

ELEMEN PEMARKAHAN (HAFAZAN)


a) Markah penuh : 30 markah

b) Pembahagian markah yang dinilai :

1.	Hafaz dan lancar	:	15 markah
2.	Tajwid	:	15 markah


c) Markah hendaklah diberi mengikut panduan di bawah;

Bil	Aspek	Gred	Kriteria
1.	Menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan betul <ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan ayat • Bacaan lancar • Bacaan secara tadwir (tidak cepat dan tidak lambat) 	Cemerlang (11 – 15)	Menghafaz ayat al-Quran dengan betul, tepat dan sempurna.
		Baik (6 – 10)	Menghafaz ayat al-Quran dengan betul dan tepat pada sebahagian aspek.
		Memuaskan (1 – 6)	Menghafaz ayat al-Quran dengan tidak tepat pada sebahagian aspek.
2.	Menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan bertajwid <ul style="list-style-type: none"> • Hukum istia'zah dan basmalah • Aliaf lam syamsiah dan alif lam qamariah • Wajibulghunnah • Fawatihul suwwar • Nun Sakinah dan tanwin • Mim sakinah 	Cemerlang (11 – 15)	Menghafaz ayat al-Quran dengan keseluruhan hukum tajwid betul, tepat dan sempurna.
		Baik (6 – 10)	Menghafaz ayat al-Quran dengan sebahagian besar hukum tajwid betul dan tepat.



FORMAT PENTAKSIRAN PENDIDIKAN ISLAM

<ul style="list-style-type: none">• Mad silah• Mad lazim• Qalqalah• Hukum bacaan Ra'• Tanda wakaf• Ibtida'	<p>Memuaskan (1 – 6)</p>	<p>Menghafaz ayat al-Quran dengan sebahagian kecil hukum tajwid yang betul.</p>
---	------------------------------	--



ELEMEN PEMARKAHAN (BACAAN HADIS)


a) Markah penuh : 20 markah

b) Pembahagian markah yang dinilai :

1.	Membaca hadis dengan betul	:	20 markah
----	----------------------------	---	-----------

c) Markah hendaklah diberi mengikut panduan di bawah;

Bil	Aspek	Gred	Kriteria
1.	Membaca hadis dengan betul <ul style="list-style-type: none"> • Sebutan yang jelas • Menepati baris • Menepati makhraj huruf 	Cemerlang (14 – 20)	Membaca hadis dengan betul, tepat dan sempurna.
		Baik (7 – 13)	Membaca hadis dengan sebahagian besar betul dan tepat.
		Memuaskan (1 – 6)	Membaca hadis dengan sebahagian kecil betul.




LAMPIRAN A

BORANG MARKAH INDIVIDU

SPM KSSM

MULAI 2021



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

UJIAN TILAWAH DAN HAFAZAN, BACAAN HADIS(UTQH)

PENDIDIKAN ISLAM 1223/2

BORANG MARKAH INDIVIDU

Nama Calon : _____

No Kad Pengenalan : _____

Angka Giliran : _____


Set Soalan : _____

ELEMEN TILAWAH AL-QURAN

Bil	Perkara dinilai	Skala markah	Skor Calon	Catatan
1.	Membaca ayat-ayat al-Quran dengan betul <ul style="list-style-type: none"> • Sebutan asas makhras huruf hijaiyah • Baris fathah • Dhommah • Kasrah • Sukun • Syaddah 	Cemerlang (14 – 20)		
		Baik (7 – 13)		
		Memuaskan (1 – 6)		
2.	Membaca ayat-ayat al-Quran dengan bertajwid <ul style="list-style-type: none"> • Hukum istia'zah dan basmalah • Alif lam syamsiah dan alif lam qamariah • Wajbulghunnah • Fawatihul suwwar • Nun Sakinah dan tanwin • Mim sakinah • Mad silah • Mad lazim • Qalqalah • Hukum bacaan Ra' • Tanda wakaf • Ibtida' 	Cemerlang (14 – 20)		
		Baik (7 – 13)		
		Memuaskan (1 – 6)		

FORMAT PENTAKSIRAN PENDIDIKAN ISLAM

3.	Membaca ayat-ayat al-Quran dengan fasih <ul style="list-style-type: none"> • Fasih • Membaca tanpa tersekat-sekat 	Cemerlang (7 – 10)		
		Baik (4– 6)		
		Memuaskan (1 – 3)		
		JUMLAH		



ELEMEN HAFAZAN

Bil	Perkara dinilai	Skala markah	Skor Calon		Catatan
			Soalan 1	Soalan2	
1.	Menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan betul <ul style="list-style-type: none"> • Keseluruhan ayat • Bacaan lancar • Bacaan secara tadwir (tidak cepat dan tidak lambat) 	Cemerlang (11 – 15)			
		Baik (6 – 10)			
		Memuaskan (1 – 6)			
2.	Menghafaz ayat-ayat al-Quran dengan bertajwid <ul style="list-style-type: none"> • Hukum istia'zah dan basmalah • Aliaf lam syamsiah dan alif lam qamariah • Wajibulghunnah • Fawatihul suwwar • Nun Sakinah dan tanwin • Mim sakinah • Mad silah • Mad lazim • Qalqalah • Hukum bacaan Ra' • Tanda wakaf • Ibtida' 	Cemerlang (11 – 15)			
		Baik (6 – 10)			
		Memuaskan (1 – 6)			
JUMLAH MARKAH SETIAP SOALAN					


ELEMEN BACAAN HADIS

Bil	Perkara dinilai	Skala markah	Skor Calon	Catatan
1.	Membaca hadis dengan betul <ul style="list-style-type: none"> • Sebutan yang jelas • Menepati baris • Menepati makhraj huruf 	Cemerlang (14 – 20)		
		Baik (7– 13)		
		Memuaskan (1 – 6)		

Nama Pentaksir 1/ 2 : _____

Tanda tangan Pentaksir : _____


Tarikh : _____



LAMPIRAN B

BORANG MARKAH KESELURUHAN

**SPM KSSM
MULAI 2021**



**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
 UJIAN TILAWAH DAN HAFAZAN, BACAAN HADIS
 (UTQH)
 PENDIDIKAN ISLAM 1223/2**

BORANG MARKAH KESELURUHAN

BIL	NAMA CALON	ANGKA GILIRAN	NO K/P	BAHAGIAN			MARKAH PENUH
				TILAWAH	HAFAZAN	BACAAN HADIS	
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							
9							
10							

Tandatangan Pentaksir 1/2:.....

Tandatangan Pengetua :

Nama Pentaksir :

Nama Pengetua:

Tarikh :

Nama dan Alamat Sekolah:

.....

